

SOALAN NO.: 123

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD
KAWASAN : PASIR PUTEH**

SOALAN:

DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kedudukan pembinaan jalan lebuh raya CSR (Central Spine Road) yang menghubungkan Kelantan-Pahang. Apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam perlaksanaan CSR ini di negeri Kelantan, menyebabkan kelewatan pembinaannya. Berapakah perbelanjaan setakat yang telah digunakan untuk pecahan pakej-pakej yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberikan komitmen untuk melaksanakan Projek Central Spine Road (CSR) yang bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350km. Projek CSR ini bakal menjadi laluan alternatif yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan menerusi Gua Musang apabila siap kelak.

Projek CSR dilaksanakan secara berperingkat dan keutamaan kerajaan ialah untuk melaksanakan jajaran dari Gua Musang, Kelantan ke Kg. Seberang Jelai, Pahang atas aspek keselamatan dan jajaran dari Raub Bypass ke Bentong Bypass, Pahang atas aspek kesesakan lalu lintas.

Pada masa ini, sebahagian jajaran tersebut sepanjang 41.35km iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Seberang Jelai, Pahang telah pun siap. Jajaran yang sedang dalam pembinaan pula ialah sepanjang 48.3km dan dijangka siap secara berperingkat sehingga Oktober 2019 iaitu jajaran dari:

- (i) Mentara ke Kg. Kubang Rusa, Pahang; dan
- (ii) Kg. Asap ke Kg. Sertik serta Bentong Bypass, Pahang

Seterusnya, jajaran yang sedang dalam perolehan pula ialah sepanjang 26.5km iaitu dari:

- (i) Bulatan Gua Musang ke Mentara, Kelantan

62

(ii) Kg. Orang Asli Sg. Chandan ke Kg. Asap, Pahang

Pelaksanaan fizikal projek bagi pakej-pakej lain Projek CSR dan Lebuhraya Kota Baharu ke Kuala Krai, Kelantan dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam RMKe-11, tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek CSR di negeri Pahang telah dimulakan secara berperingkat sejak tahun 2009 disebabkan faktor keselamatan jalan di lokasi kerap berlaku kemalangan di jalan FT08 sedia ada. Walau bagaimanapun, jajaran di negeri Kelantan juga iaitu dari Bulatan Gua Musang ke Mentara, Kelantan sepanjang 10.5km telah diluluskan pelaksanaan dalam *Rolling Plan 2*, RMKe-11 dan kini sedang dalam peringkat perolehan. Sehingga kini, Kerjaan Persekutuan telah membelanjakan RM1.2 bilion bagi pelaksanaan projek CSR.

Sekian, terima kasih.